

22 FEB 1999

Sabah-Pilihan Raya (Analisis Berita)
SPEKULASI BERAKHIR, SABAH MENGUNDI LAGI

Oleh: Azman Ujang dan Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 22 Feb (Bernama) -- Spekulasi tanpa henti sejak setahun lepas berakhir hari ini dengan Sabah kini di ambang satu lagi pilihan raya yang dianggap amat penting dan sebagai pembuka tirai kepada pilihan raya umum yang mesti diadakan pada tahun depan.

Bahang pilihan raya meningkat secara mendadak dengan pengumuman pembubaran Dewan Undangan Negeri oleh Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok. Dengan ini, arena politik Sabah yang tidak pernah membosankan dibuka bagi membolehkan parti-parti politik melancarkan kempen meraih sokongan lebih 726,000 pengundi.

Suruhanjaya Pilihanraya akan mengumumkan tarikh pengundian esok, di samping hari penamaan calon, tetapi 12 dan 13 Mac sudah sebut-sebut oleh banyak pihak di sini sebagai hari mengundi.

Segala resepi sudah tersedia untuk menghidangkan satu pilihan raya negeri yang sama jika tidak lebih "dramatik" berbanding pemilihan masa lepas di negeri yang telah menyaksikan lebih banyak pertukaran kerajaan berbanding beberapa negeri lain.

Sebagai perbandingan, negeri jiran Sarawak hanya mempunyai empat ketua menteri sejak merdeka pada 1963 tetapi ketua kerajaan di Sabah telah silih ganti 10 kali.

Walaupun pembubaran Dewan Undangan Negeri hanya diumumkan hari ini, demam pilihan raya sudah lama dirasai dengan parti-parti membuat persiapan lebih awal untuk merebut 48 kerusi yang ditawarkan.

Apa yang menjadi pilihan raya Sabah lebih menarik ialah ciri-ciri ketidaktentuannya kerana sejarah menunjukkan bahawa walaupun sesuatu parti itu baru ditubuhkan, ia masih mampu menubuhkan lawan yang ternama.

Ada juga peristiwa dramatik yang berlaku selepas beberapa pilihan raya lepas, yang hanya Sabah boleh menyediakan pentasnya.

Masanya kini tiba bagi parti-parti yang akan bertanding untuk menyelesaikan sengketa lama khususnya ekoran peristiwa selepas pilihan raya pada 1994.

Ketika itu, Parti Bersatu Sabah yang membentuk kerajaan dengan hanya kelebihan satu undi setelah sebelum itu mentadbir negeri ini selama sembilan tahun, tumbang kerana kebanyakan calonnya yang menang melompat ke Barisan Nasional.

Walaupun ia akan disertai pelbagai parti, saingan sebenar dalam pilihan raya kali ini ialah antara BN dan PBS manakala Bersekutu yang baru dihidupkan semula mungkin juga menjadi ancaman kepada kedua-duanya.

Bersekutu, yang kini dipimpin oleh bekas ketua menteri Datuk Harris Salleh, 68, berharap tuah akan kembali menyebelahnya.

Pada 1976 Harris menerajui Parti Berjaya yang hanya berusia satu tahun ketika itu, bagi menubuhkan kerajaan pimpinan Usno yang telah berkuasa selama sembilan tahun.

Sejarah berulang secara lebih dramatik sembilan tahun kemudian apabila kerajaan pimpinan Harris ditewaskan oleh PBS yang hanya ditubuhkan tiga minggu sebelum itu oleh Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Atas kertas, BN nampaknya mempunyai kelebihan. Kali ini ia menemui pengundi berbekalkan rekodnya yang mampu mewujudkan kestabilan politik berdasarkan hubungan baik dengan pusat, satu kemestian untuk menjamin kemakmuran ekonomi bagi 2 juta penduduk Sabah.

Untuk menduga keputusan pilihan raya kali ini bukan satu perkara mudah kerana BN, PBS dan Bersekutu semuanya berkata mereka yakin menang dengan

majoriti dua pertiga.

Soalnya ialah pada peringkat awal ini, parti manakah yang mampu menang besar.

Tan Sri Peter Lo, ketua menteri Cina pertama bagi Sabah pada 1960an, telah berkata bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan faktor yang memberi kelebihan kepada BN.

Dr Mahathir sendiri penuh keyakinan.

"Tidak syak lagi, kita akan menang," katanya pada hujung minggu lepas.

-- BERNAMA

AU JS MAI